



A. PANDUAN PERMOHONAN PERMIT IKLAN PILIHAN RAYA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU


1. Borang permohonan permit iklan pilihan raya boleh diambil di kaunter Jabatan Pelesenan, Tingkat 5, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), No. 1, Jalan Lingkaran Dalam, Bukit Senyum, 80300 Johor Bahru atau melalui pautan di Facebook Rasmi MBJB.
2. Permohonan untuk permit bagi mempamerkan iklan pilihan raya hendaklah dibuat oleh parti politik yang berhasrat untuk meletakkan calon dalam bahagian pilihan raya berkenaan atau jika tiada, calon persendirian boleh membuat permohonan secara individu.
3. Borang permohonan hendaklah diisi dengan kemas, jelas, lengkap dan teratur. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.
4. Borang permohonan hanya boleh dikemukakan selepas pengumuman tarikh penamaan calon dan tarikh mengundi oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
5. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan sendiri di kaunter Jabatan Pelesenan beserta dengan bayaran deposit bagi setiap permohonan.
6. Bil bayaran deposit akan dikeluarkan bagi setiap permohonan lengkap.
7. Permit akan dikeluarkan setelah bayaran deposit dijelaskan sepenuhnya.
8. Pembayaran boleh dibuat di kaunter kewangan MBJB, Tingkat 3, Menara MBJB pada hari bekerja mulai jam 8.30 pagi sehingga jam 4.30 petang.
9. Cara pembayaran adalah secara tunai / kad kredit / kad debit / 'e-wallet' / atau bank deraf sahaja.

B. PANDUAN PERMOHONAN TUNTUTAN DEPOSIT PERMIT IKLAN PILIHAN RAYA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

1. Borang permohonan tuntutan deposit permit iklan pilihan raya boleh diambil di kaunter Jabatan Pelesenan.
2. Pemohon perlu mengemukakan resit rasmi wang amanah yang asal, salinan kad pengenalan pemohon dan penyata bank yang sah milik untuk pihak Jabatan Pelesenan memproses tuntutan ke Jabatan Perbendaharaan.



1. CARTA ALIR PERMOHONAN PERMIT IKLAN PILIHAN RAYA



2. CARTA ALIR PERMOHONAN TUNTUTAN DEPOSIT PERMIT IKLAN PILIHAN RAYA

